

31/07/1999

Penjelasan isu ulama diterima: PM

Azhar Abu Samah; Noor Jaafar

KERTIH, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin orang Melayu yang berfikiran terbuka dapat menerima penjelasannya mengenai alim ulama kerana beliau bercakap di atas kebenaran.

Perdana Menteri percaya kenyataannya mengenai perbezaan antara ulama tulen dan golongan yang mendakwa diri mereka ulama, tetapi sebenarnya mempunyai kepentingan politik, tidak akan menjerat dirinya.

"Ia tidak akan menjerat saya. Saya bercakap benar," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan rasmi dua hari ke negeri ini, di Lapangan Terbang Kertih, di sini, hari ini.

Semalam, pada majlis dialog dengan kakitangan kerajaan negeri dan Persekutuan di Wisma Darul Iman, Dr Mahathir menegaskan beliau tidak menolak golongan ulama dan mereka yang menuduhnya berbuat demikian adalah pemfitnah.

Dr Mahathir berkata, bukan mudah bagi seseorang untuk menerima hakikat bahawa seseorang tidak berpengetahuan agama secara tiba-tiba mendakwa dirinya ulama, pewaris nabi.

Menurut beliau, bukannya begitu mudah seseorang boleh jadi pewaris nabi dan begitu juga bukan semua orang yang mendakwa dirinya ulama boleh diterima sebagai ulama.

"Adakah orang politik yang bercakap mengenai agama, sehingga kita tahu dia bercakap tidak betul, hendak kita terima sebagai ulama," katanya.

Beliau berkata, Umno juga mempunyai ulama tetapi tugas ulama dalam parti berkenaan ialah untuk membetulkan segala tafsiran tidak betul yang dibuat individu daripada parti lawan yang mendakwa diri mereka sebagai ulama.

Ketika ditanya sama ada beliau yakin mengenai penjelasannya itu akan diterima oleh orang Melayu, beliau menegaskan:

"Saya fikir begitu. Anda boleh tunggu sehingga pilihan raya."

"Orang Melayu yang berfikiran terbuka akan menerima penjelasannya tetapi sukar bagi mereka yang terlalu taksuf dengan Pas.

"Ada jenis orang Melayu yang sudah taksuf dengan Pas sehingga kalau Pas suruh dia berdiri di atas kepalanya pun dia akan buat. Orang yang macam ini kita tak boleh buat apa-apa. Rebus 15 kali pun apabila dia keluar dia akan kata, Saya Pas. Orang macam ini saya menyerah," katanya.

Mengenai pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Kuala Terengganu, Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah mengeluarkan tawaran untuk kerja pembesaran lapangan terbang itu.

Sehubungan itu, beliau meminta pemilik tanah yang terbabit dengan projek itu supaya bersedia membantu kerajaan dengan membenarkan tanah mereka diambil balik oleh kerajaan bagi menyediakan kemudahan berkenaan.

Sementara itu di DUNGUN, Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, diraikan dalam majlis makan bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) di Seri Molek Inn, di sini pagi ini.

Selepas itu, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin BN negeri di hotel yang sama.

Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri, Toh Puan Aishahtun Fadhullah Suhaimi, pemimpin Umno Terengganu dan pemimpin kanan parti komponen BN.

Malam tadi, beliau dan isteri hadir di majlis perhimpunan Pesilat Peringkat Negeri Terengganu di Padang Astaka di sini.

Kira-kira 20,000 penduduk tempatan hadir sama di majlis itu.

(END)

